

## Kepentingan Pendidikan Fabrik kepada Pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Malaysia

Nadiah Mohamed<sup>1\*</sup>, Norulaini Mohd Ramly<sup>2</sup>, Azlan Zakaria<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Bukit Beruang, Unit Pengajian Umum  
No. 23, Jalan BBI 1, Taman Bukit Beruang Indah, Melaka, 75450, MALAYSIA

<sup>2</sup> Politeknik Ibrahim Sultan, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual  
KM 10, Jalan Kong, Pasir Gudang, 81700, MALAYSIA

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Pagoh, Unit Fesyen dan Pakaian  
No 1-6, Jalan Pagoh Jaya 1/5, 84500, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: [nadiahbintimohamed@gmail.com](mailto:nadiahbintimohamed@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2024.04.01.005>

### Maklumat Artikel

Diserah: 28 Februari 2024

Diterima: 06 Jun 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

### Kata Kunci

Fabrik, kursus fesyen, konsep pakaian

### Abstrak

Program Fesyen dan Pakaian merupakan salah satu bidang yang sangat popular di kalangan belia pada masa kini. Perlaksanaan program fesyen berorientasikan pendidikan jenis kemahiran mendapat sambutan daripada golongan belia. Kajian ini dihasilkan untuk mengetahui keperluan subjek yang penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bakal graduan dalam bidang fesyen dan pakaian. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini iaitu menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Zon Selatan bagi mendapatkan sumber maklumat dan data bagi tujuan penyelidikan ini. Seramai 40 orang pelajar telah menjadi responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Rembau, Kolej Komuniti Pagoh dan Kolej Komuniti Pasir Gudang. Instrumen kajian yang telah digunakan adalah melalui borang soal selidik bagi mendapatkan hasil skor min, sisihan piawai dan nilai peratus. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan didapati perlu ada penambahbaikan subjek pengenalan asas dan pengetahuan fabrik dalam silibus Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti. Pengetahuan terhadap jenis-jenis fabrik sangat penting bagi membantu pelajar untuk mengetahui dengan lebih terperinci dalam penghasilan konsep rekaan pakaian.

### Keywords

Fabric, fashion course, design concept

### Abstract

The Fashion and Apparel course is one of the areas that is very popular among the youth today. The study aims to find out the need for important subjects to improve the knowledge and skills of prospective fashion and apparel graduates. This study uses a quantitative method with the employment of a survey instrument in the form of a questionnaire administered to a sample of students. The study sample comprised forty students, of which three, or 7.5 percent were male and the remaining thirty-seven, or 92.5 percent were female. All individuals, within the group above, are currently enrolled as students at southern Kolej Komuniti in Kolej Komuniti Rembau, Kolej Komuniti Pagoh and Kolej Komuniti Pasir Gudang been partaking in the academic pursuit of fashion studies.

*Researchers used a quantitative study where the research instrument used was a questionnaire to determine the mean, standard deviation, and percentage. The results of the study show there is a need to improve the subject of basic fabric and knowledge of fabric in the curriculum for fashion and apparel in Kolej Komuniti in Malaysia. Knowledge of fabric is very important to help students understand in detail when creating garment design concepts. The research findings have been presented to all relevant stakeholders for appraisal, and recommendations have been made for further evaluation.*

## 1. Pendahuluan

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada pelajar-pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian atau SFP di Kolej Komuniti Malaysia tentang pendidikan fabrik di dalam kurikulum Fesyen dan Pakaian. Elemen reka bentuk terdiri daripada unsur-unsur seperti warna, titik, garisan, tekstur, bentuk, saiz, ruang, dan rupa. Pereka menggunakan elemen ini bagi mengukuhkan rekaan yang dihasilkan. Reka bentuk fesyen adalah bidang yang sangat bergantung kepada kreativiti dan inovasi. Adalah penting bagi penyedia latihan memberi pengetahuan asas berkaitan fesyen kepada pelajar, ia termasuk pengetahuan menyeluruh tentang pasaran semasa dan keperluan, serta pengetahuan menyeluruh tentang sifat fabrik dan teknik manipulasi fabrik. Setelah tamat pengajian, pelajar akan memiliki kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk digunakan secara berkesan di industri fesyen (Prianka, D. 2023). Selain itu, kompetensi pengetahuan berkaitan rekaan juga aspek penting dan sebagai pengetahuan asas yang perlu dipelajari pada peringkat awal. Antara aspek kompetensi pengetahuan rekaan adalah elemen dan prinsip rekaan, warna, fabrik dan pengetahuan rekaan berdasarkan trend semasa (Kamis, A., Bakar, A. R., Hamzah, R., & Asimiran, S. 2013). Pengetahuan asas ini diperlukan bagi melengkapkan kemahiran pelajar dalam bidang fesyen. Pendidikan tentang asas fabrik perlu dipelajari oleh bakal graduan fesyen semasa pengajian mereka namun ianya tidak lagi ditekankan di dalam silibus SFP di Kolej Komuniti Malaysia.

Pada peringkat awal program SFP diperkenalkan di Kolej Komuniti, subjek asas pendidikan fabrik telah diwujudkan bagi memberi pengetahuan asas tentang fabrik kepada para pelajar program SFP di Kolej Komuniti. Subjek kursus ini dinamakan Alat dan Bahan yang memberi pendedahan kepada pelajar tentang penggunaan bahan iaitu fabrik dan pembelajaran berkaitan kesesuaiannya padanan, corak, warna dan bentuk badan untuk menghasilkan rekaan. Namun apabila terdapat perubahan program pengajian di mana Sijil Modular Kebangsaan (SMK) diperkenalkan pada tahun 2010, subjek kursus ini telah digugurkan. Perubahan program pengajian sepenuh masa kepada Sijil Modular Kebangsaan pada tahun 2010 telah memberi kesan terhadap kurikulum SFP di mana program tersebut menawarkan latihan kemahiran jangka pendek (3 hingga 6 bulan) yang berasaskan proses kerja sebenar merangkumi kompetensi teknikal, pengetahuan dan sosial. SMK adalah set kemahiran minima di dalam satu skop kerja (KPT 2012). Penambahbaikan telah dibuat secara berterusan dan penawaran semula Sijil Kolej Komuniti (SKK) iaitu secara berterusan mengikut semester ditawarkan kembali. Beberapa pengubahsuaian terhadap struktur program dan kursus telah dilakukan, hakikatnya sehingga pada masa kini subjek kursus berkaitan pengenalan asas fabrik kepada pelajar tidak lagi dipelajari.

Samad et al. (2019) menegaskan bahawa institusi TVET di Malaysia sememangnya tidak boleh ketinggalan zaman dari segi mentransformasikan pengurusan dan kepimpinan. Transformasi pengurusan dan kepimpinan dalam sistem pendidikan perlu dilaksanakan bagi setiap tempoh tahun tertentu agar sistem pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan berbanding negara-negara maju seperti China, Jepun dan Amerika Syarikat. Perubahan sistem pendidikan amat penting ditransformasikan dan melakukan perubahan agar sistem pendidikan di Malaysia terus kekal kompetitif dan relevan serta berdaya saing (Zulkifli, M. A. N., & Ming Foong, L. 2023).

Hamzah et al. (2019) mengatakan bahawa demi mencapai matlamat dan hasrat pihak kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pemegang taruh, institusi TVET haruslah merealisasikan impian kerajaan bagi melahirkan para graduan yang kompetitif dan berkualiti selepas mereka menamatkan pengajian. Selepas mereka tamat pengajian, graduan seharusnya sudah mempunyai ilmu pengetahuan dan mempunyai kemahiran kerja yang berkualiti agar pihak majikan percaya bahawa setiap graduan institusi TVET di Malaysia mampu membantu mereka dalam mengisi keperluan tenaga buruh atau tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan di industri.

Ilmu pengetahuan merujuk kepada disiplin khusus yang dimiliki oleh seseorang, untuk menjadi kreatif seseorang perlu berilmu mengenai sesuatu bidang. Dengan ilmu pengetahuan seseorang akan menjadi pakar

dalam sesuatu bidang. Ilmu pengetahuan merupakan asas sebagai lonjakan terlahirnya idea dan kreativiti (Wahab, A. R., & Saud, M. S. 2021). Sistem pendidikan yang formal akan dapat membentuk masyarakat yang kreatif, ini dapat dilihat melalui sistem pendidikan di Malaysia, yang telah mengalami perubahan selari dengan perubahan globalisasi yang berlaku di dalam negara dan juga di luar negara. (Ülger,2016).

Di dalam kajian ini, penyelidik mengkaji tentang kepentingan pengetahuan asas tentang fabrik kepada pelajar-pelajar SFP di Kolej Komuniti. Fabrik adalah bahan teras utama dalam industri fesyen. Walaupun idea di anggap penting untuk mencipta pakaian namun fabrik adalah perkara asas yang menyokong idea kreatif pereka (Textilepedia 2021). Pengetahuan asas berkenaan kesesuaian fabrik dengan rekaan pakaian adalah kompetensi yang diutamakan tetapi ramai pelajar yang tiada pengetahuan ini (Kamis, A., Bakar, A. R., Hamzah, R., & Asimiran, S. 2013). Menurut Rahmiati, R., & Saemah, S. (2017) semasa menentukan rekaan pakaian wanita yang akan dihasilkan pelajar, pada mulanya mereka akan mencari beberapa contoh rekaan daripada pelbagai sumber sebagai inspirasi. Selain itu, perkara yang perlu diberi perhatian oleh pelajar dalam membuat rekaan pakaian adalah kehendak pengguna, fabrik yang sesuai dengan bentuk badan, masa penggunaannya dan keperibadian pengguna.

Penyelidikan ini menyoroti keperluan untuk mengembalikan penekanan pada pengetahuan fabrik dalam kurikulum SFP di Kolej Komuniti. Dengan mengintegrasikan subjek asas fabrik, pelajar dapat meningkatkan kemahiran dalam pemilihan fabrik untuk rekaan pakaian. Pemilihan fabrik yang sesuai untuk menghasilkan pakaian adalah paling penting kerana ia juga akan memberi kesan kepada kos penyediaan pakaian, ini adalah kerana sebahagian besar daripada jumlah kos pengeluaran pakaian adalah kos fabrik (Aktepe, Ş.2019). Hal ini sesuai dengan tuntutan industri fesyen dan membantu pelajar menjadi lebih kompetitif dalam bidang pekerjaan mereka.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Melalui pemerhatian penyelidik berdasarkan pengalaman mengajar pelajar-pelajar program SFP di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka selama lebih dari 12 tahun, didapati bahawa para pelajar sering menghadapi masalah dalam membuat pemilihan fabrik yang tepat semasa kelas penghasilan pakaian dan aktiviti amali. Masalah ini berterusan apabila pelajar diberi tugas untuk menghasilkan rekaan pakaian bagi projek kursus SFP20063 Senireka Fesyen 1 dan Senireka Fesyen 2 SFP30094. Keprihatinan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji masalah-masalah yang berlaku oleh para pelajar di Kolej Komuniti Zon Selatan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung terutama bagi kursus Senireka Fesyen dan juga kursus Pembuatan Pakaian Wanita. Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk mengkaji apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dan mengenalpasti punca kepada masalah tersebut.

### 1.2 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji persoalan berikut :

- Mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap pengetahuan fabrik.
- Mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap jenis-jenis fabrik yang bersesuaian dengan konsep pakaian semasa proses amali dilaksanakan.

Dengan mengenal pasti masalah utama dan menyusun objektif kajian, diharapkan kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keperluan penambahbaikan dalam subjek pendidikan fabrik bagi pelajar SFP di Kolej Komuniti Malaysia.

### 1.3 Kepentingan Kajian


Berikut adalah antara kepentingan kajian yang telah dikenalpasti oleh penyelidik:

- Meningkatkan kreativiti pelajar:  
Kajian ini dapat membantu meningkatkan kreativiti pelajar dalam menghasilkan rekaan pakaian. Dengan pemahaman yang lebih baik tentang jenis fabrik, motif dan warna, pelajar dapat mencipta rekaan yang lebih inovatif.
- Menyerlahkan bakat serta kemampuan pelajar:  
Melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang pengetahuan fabrik, kajian ini dapat menonjolkan bakat dan kemampuan pelajar dalam industri fesyen. Pelajar yang memiliki penguasaan yang baik terhadap jenis-jenis fabrik dapat menjadi lebih kompetitif di pasaran kerja.
- Memberi nilai tambah kepada bakal graduan:

Kajian ini diharapkan memberikan nilai tambah kepada bakal graduan dalam memenuhi keperluan industri fesyen di Malaysia. Dengan pengetahuan fabrik yang baik, graduan dapat memberikan sumbangan yang lebih berharga dalam industri ini.


## 2. Metodologi

Kajian ini terbatas kepada aspek pengajaran dan pembelajaran Program SFP di Kolej Komuniti Malaysia. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam pengumpulan data menggunakan borang soal selidik bagi melihat tahap kefahaman dan penguasaan pelajar tentang pendidikan fabrik semasa kelas penghasilan pakaian dan aktiviti amali. Responden terlibat adalah pelajar Program SFP di Zon Selatan iaitu Kolej Komuniti Rembau, Kolej Komuniti Pagoh dan Kolej Komuniti Pasir Gudang. Jumlah responden adalah seramai 40 orang yang dipilih secara rawak. Pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester dua dan tiga yang mengambil jurusan Program SFP. Rasionalnya pemilihan responden adalah kerana bagi mengenalpasti keperluan kursus bagi subjek asas fabrik dapat membantu meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap jenis-jenis fabrik yang bersesuaian dengan konsep pakaian mengikut silibus fesyen yang telah ditetapkan.



Rajah 1 : Konsep Kajian

Rajah 1 digunakan untuk menunjukkan konsep kajian terhadap kepentingan pendidikan fabrik kepada pelajar program SFP di Kolej Komuniti Malaysia untuk tujuan mendapatkan sumber maklumat dan data yang diperlukan bagi tujuan proses penyelidikan. Kajian berbentuk deskriptif telah dijalankan oleh pengkaji untuk mengumpul data-data yang dianalisis. Menurut Subahan (1998), asas penyelidikan kuantitatif adalah penyelidikan deskriptif. Penyelidikan ini akan berusaha mencari penghuraian yang tepat mengenai aktiviti, proses, objek dan orang. Menurut Mohd Majid (1994) pula, penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku adalah kajian berbentuk deskriptif dan ia sesuai digunakan samada secara kuantitatif atau kualitatif. Tambah beliau lagi, kajian tinjauan sesuai digunakan dalam penyelidikan kerana ia bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah. Menurut Tuckmen (1998), menyatakan bahawa kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik. Selain daripada itu, Van Dalen (1993) juga ada menyatakan bahawa kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data-data, membuat intepretasi atau tafsiran, perbandingan dan merumus generalisasi atau kesimpulan secara umum.



Rajah 2: Hubungan antara keperluan semasa dan keperluan sedia ada dalam silibus, memberikan gambaran tentang sejauh mana silibus mencakup keperluan actual pelajar dalam pendidikan fabrik.

### 2.1 Prosedur Penyelidikan

Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik dalam kaedah pengumpulan data kajian. Borang soal selidik yang telah diedarkan mengandungi satu set soalan yang terdiri dari empat bahagian iaitu bahagian A, B C dan D. Soalan yang terkandung di dalam borang soal selidik ini merangkumi aspek penguasaan dan tahap kefahaman pelajar tentang jenis-jenis fabrik. Pengkaji telah memilih seramai dua orang staf akademik yang mempunyai latar belakang pendidikan TVET bagi menyemak soalan kajian. Staf akademik ini terdiri daripada seorang yang berkemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang fesyen dan seorang ahli akademik yang berpengalaman dalam bidang pendidikan.

## 2.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan entiti penting dalam sesuatu kajian, maka fokus utama dalam kajian ini adalah untuk memastikan soal selidik yang telah dibangunkan sebagai instrumen yang dapat menepati kebolehpercayaan dan kesahan hasil dapatan (Daud, S. H. S., & bt Yusof, H. 2017).

### 2.2.1 Populasi dan persampelan

Dalam kajian ini, sampel-sampel tersebut adalah terdiri daripada pelajar Sijil Kolej Komuniti Zon Selatan yang mengikuti Program SFP. Menurut Abdul Ghafar, (1999), populasi merupakan cerapan kepada sekumpulan individu yang mempunyai sekurang-kurangnya satu sifat atau ciri yang sama di antara individu dengan individu yang lain dan sampel ini mewakili populasi. Malah, Campbell et al. (2020) mentakrifkan persampelan bertujuan sebagai teknik yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif untuk mengenal pasti dan memilih responden yang berkemungkinan besar menghasilkan maklumat yang sesuai dan berharga dengan sumber yang terhad. Data kajian ini telah diperolehi dan jumlah sampel yang telah dikaji secara persampelan penuh melibatkan seramai empat puluh orang pelajar.

### 2.2.2 Taburan responden mengikut jantina

Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah taburan responden seramai 40 orang pelajar yang telah menjadi sampel kajian. Bilangan responden yang digunakan bagi tujuan persampelan untuk soal selidik terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 37 pelajar perempuan. Bilangan pelajar lelaki adalah seramai mewakili 7.5% manakala bilangan pelajar perempuan seramai mewakili 92.5%. Terdapat jurang yang sangat ketara antara jantina pelajar yang mengikuti bidang Fesyen dan Pakaian berdasarkan responden yang dipilih.

**Jadual 1** Demografi responden daripada Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Rembau, Kolej Komuniti Pagoh dan Kolej Komuniti Pasir Gudang

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	3	7.5
Perempuan	37	92.5
Jumlah	40	100.0

### 2.2.3 Analisis kajian

Dalam kajian ini, data dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan nilai min, sisihan piawai dan peratus berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan. Dapatan data ini telah dianalisis menggunakan SPSS 23. Penyelidik menganalisis nilai min yang diperolehi melalui penetapan nilai tafsiran ke atas nilai min tersebut bagi menggambarkan tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 2 di bawah :

**Jadual 2** Menunjukkan skor min dan interpretasi

Min	Interpretasi
1.0 hingga 2.4	Rendah
2.41 hingga 3.8	Sederhana
3.81 hingga 5.0	Tinggi

### 3. Dapatan dan Perbincangan

Jadual 3 di bawah ini menunjukkan analisis terhadap Kepentingan Pendidikan Fabrik Kepada Pelajar Program Fesyen Dan Pakaian di Kolej Komuniti Malaysia. Terdapat empat bahagian pecahan soalan bagi setiap item iaitu Bahagian A: demografi responden, Bahagian B: pengetahuan umum tentang fabrik, Bahagian C: tahap penguasaan pelajar terhadap jenis-jenis fabrik yang bersesuaian dengan konsep pakaian manakala Bahagian D: penguasaan pendidikan fabrik terhadap pelajar.

**Jadual 3** Analisis terhadap Kepentingan Pendidikan Fabrik Kepada Pelajar Program SFP Di Kolej Komuniti Malaysia

Bahagian B: Pengetahuan Umum Tentang Fabrik				
No. Item	Pernyataan	Skor Min	Sisihan piawai	Interprestasi
1	Saya mengetahui nama-nama fabrik di pasaran tempatan	3.6750	1.02250	Sederhana
2	Saya dapat menentukan keperluan ukuran meter fabrik bagi setiap pakaian mengikut rekaan dan saiz badan	3.2750	1.21924	Sederhana
3	Saya dapat membezakan berat fabrik mengikut kategori seperti nipis, sederhana dan tebal	3.4750	1.17642	Sederhana
4	Saya mengetahui tentang saiz bidang fabrik yang terdapat di pasaran serta fungsinya	3.3750	1.05460	Sederhana
5	Saya dapat membezakan fabrik mengikut jenis tekstur seperti lembut, berkilat dan kasar	3.6750	1.09515	Sederhana
6	Saya dapat membezakan fabrik daripada gentian asli dan sintetik	3.1500	1.09895	Sederhana
7	Saya mengetahui jenis-jenis fabrik yang bersifat regang /stretchable	3.3250	1.02250	Sederhana
8	Saya mengetahui jenis-jenis fabrik yang sesuai untuk teknik dye	3.2250	1.12061	Sederhana
9	Saya mengetahui jenis-jenis fabrik yang sesuai untuk teknik cetakan/printing	3.1500	1.05125	Sederhana
10	Saya mengetahui jenis-jenis fabrik yang bersifat lutsinar/transparent serta fungsinya	3.2250	1.04973	Sederhana
Bahagian C : Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Jenis-Jenis Fabrik Yang Bersesuaian Dengan Konsep Pakaian				
11	Saya mudah untuk memilih fabrik yang bersesuaian dengan kategori pakaian	3.5500	.93233	Sederhana
12	Saya mudah untuk memilih fabrik yang bersesuaian dengan tema pakaian	3.6250	.95239	Sederhana
13	Saya memahami jenis-jenis fabrik yang bersesuaian mengikut musim	3.6000	.90014	Sederhana
14	Saya boleh memilih corak fabrik untuk semua jenis konsep pakaian	3.3750	1.00480	Sederhana
15	Saya boleh menentukan warna fabrik yang sesuai untuk semua jenis konsep pakaian	3.4500	1.06096	Sederhana



16	Saya boleh memilih fabrik yang boleh memberi keselesaan dengan semua jenis konsep pakaian	3.4500	1.03651	Sederhana
17	Saya boleh memadankan fabrik untuk semua jenis konsep pakaian	3.3000	.88289	Sederhana
18	Saya boleh memadankan fabrik mengikut kreativiti dan imaginasi	3.4000	1.05733	Sederhana
19	Saya boleh memadankan corak dan motif fabrik mengikut kesesuaian bentuk tubuh badan seseorang	3.4500	1.06096	Sederhana
20	Saya boleh memadankan corak dan motif fabrik mengikut kesesuaian warna kulit seseorang	3.4750	.96044	Sederhana
21	Saya boleh memadankan warna fabrik mengikut kesesuaian bentuk tubuh badan seseorang	3.4750	.87669	Sederhana
22	Saya boleh memadankan warna fabrik mengikut kesesuaian warna kulit seseorang	3.6500	.86380	Sederhana

#### D: Penguasaan Pendidikan Fabrik Terhadap Pelajar

23	Saya mengetahui tentang fabrik melalui pembacaan majalah dan internet	3.6750	.88831	Sederhana
24	Saya mengetahui trend fabrik melalui media massa	3.6750	1.11832	Sederhana
25	Saya mendapat penerangan berkaitan fabrik melalui subjek yang diajar oleh pensyarah	3.6750	1.09515	Sederhana
26	Saya mengetahui tentang fabrik melalui pengalaman terdahulu	3.4000	.84124	Sederhana

Daripada Jadual 3, menunjukkan data analisis yang telah dibuat pada bahagian B, kajian mendapati nilai skor min sederhana yang tertinggi ialah 3.6750 bagi item soalan 1 dan 5. Ini menunjukkan responden mengetahui tentang pengetahuan asas berkaitan nama-nama fabrik di pasaran tempatan dan dapat membezakan fabrik mengikut jenis tekstur seperti lembut, berkilat dan kasar. Ia boleh dilihat pada skor min yang diperolehi pada item soalan "Saya mengetahui nama-nama fabrik di pasaran tempatan" dan "Saya dapat membezakan fabrik mengikut jenis tekstur seperti lembut, berkilat dan kasar" masing-masing dengan nilai skor min pada 3.6750. Pada bahagian B ini juga telah menunjukkan terdapat nilai skor min sederhana rendah pada item soalan No. 6 iaitu "Saya dapat membezakan fabrik daripada gentian asli dan sintetik" dan item soalan No. 9 "Saya mengetahui jenis-jenis fabrik yang sesuai untuk teknik cetakan/*printing*" masing-masing dengan skor min 3.500.


Manakala pada bahagian C, tahap penguasaan pelajar terhadap jenis-jenis fabrik yang bersesuaian dengan konsep pakaian menunjukkan nilai skor sederhana yang tinggi adalah bagi item soalan No. 22 iaitu "Saya boleh memadankan warna fabrik mengikut kesesuaian warna kulit seseorang" iaitu nilai skor min 3.650. Manakala skor min sederhana rendah pada bahagian ini adalah bagi item soalan No. 17 iaitu "Saya boleh memadankan fabrik untuk semua jenis konsep pakaian" dengan skor min hanya 3.3000. Dapatan ini menunjukkan pelajar lebih mudah untuk memadankan fabrik mengikut kesesuaian warna kulit seseorang berbanding boleh memadankan fabrik untuk semua jenis konsep pakaian iaitu pada item soalan No. 17 yang mendapat skor sederhana 3.300 rendah.

Seterusnya bahagian D pula adalah bahagian mengetahui tahap penguasaan pendidikan fabrik terhadap pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian dalam subjek Kajian Fabrik yang menunjukkan skor min terendah adalah pada item soalan No 26 iaitu "Saya mengetahui tentang fabrik melalui pengalaman terdahulu" iaitu skor min hanya 3.4000. Ia jelas menunjukkan pelajar tiada pengalaman dan pengetahuan tentang pendidikan fabrik melalui pengalaman terdahulu.

Daripada dapatan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa pembaharuan perlu dilaksanakan dalam pemurnian kembali silibus Program SFP di Kolej Komuniti Malaysia. Pemurnian silibus bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar khususnya dalam mengenali pelbagai jenis fabrik yang terdapat di pasaran serta kesesuaian fabrik mengikut konsep pakaian. Selain itu pemurnian silibus adalah bagi mengambil langkah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hasil kerja pelajar.

Proses rekaan fabrik bermula dari penentuan warna, corak dan tekstur sehingga penghasilan gentian dan transformasi benang kepada fabrik. Proses rekaan fesyen melibatkan fabrik, warna, corak, aksesori, penyediaan model, pengukuran bentuk, mengacu pakaian, prototaip, produk akhir dan pengeluaran. Keseluruhan proses rekaan fesyen adalah proses kreativiti untuk menghasilkan produk akhir (Aktepe, \$, 2019). Seorang pereka lebih cenderung memberi tumpuan kepada nilai estetika, namun mereka kadang-kala kurang memberi tumpuan kepada bahan gentian dan fabrik, setiap bahan ini adalah penting untuk menghasilkan sepasang pakaian (Textilepedia 2021). Bagi menghasilkan rekaan pakaian yang baik, penguasaan asas tentang fabrik ini menjadi keperluan utama dalam kursus fesyen, oleh itu para pelajar perlu diberi pengetahuan asas yang mencukupi semasa di peringkat pengajian bagi melengkapkan kemahiran rekaan fesyen yang dipelajari.

Selain belajar dan melakukan praktikal, pelajar perlu berinteraksi dengan bahan dan pengalaman di dalam bilik darjah, seperti penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai oleh pensyarah bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi dalam pembelajaran. Pensyarah fesyen perlu menggunakan strategi yang sesuai untuk mewujudkan pengajaran yang lebih berkesan (Mpofu Moly 2023). Pembelajaran asas secara formal daripada pensyarah, dan penggunaan bahan rujukan seperti majalah dan sumber digital yang terkini berupaya boleh membantu meningkatkan kemahiran tentang ilmu yang dipelajari. Pembelajaran sendiri melalui pembacaan adalah penting bagi pelajar fesyen untuk menambahkan pengetahuan mereka tentang fabrik



**Rajah 3:** Fishbone diagram di atas menunjukkan cabaran yang menyumbang kepada kurangnya pengetahuan dalam pendidikan fabrik terhadap pelajar Program SFP di Kolej Komuniti

Rajah 3 di atas menunjukkan cabaran yang menyumbang kepada kurangnya pengetahuan dalam pendidikan fabrik bagi pelajar Program SFP di Kolej Komuniti. Pertimbangan terhadap pentingnya subjek pengenalan atau asas fabrik dalam silibus Program SFP di Kolej Komuniti dapat membantu bakal graduan di Kolej Komuniti dalam sektor pekerjaan. Bidang kerjaya seperti pereka fesyen, pembuat pola, tukang jahit tenaga mahir perlu mempunyai ilmu dalam mengenali fabrik dan jenis-jenis fabrik yang digunakan semasa menghasilkan rekaan pakaian mengikut kesesuaian rekaan yang bakal dihasilkan. Isu pelajar tidak dapat mengenalpasti fabrik sering diperkatakan kepada graduan lepasan Kolej Komuniti. Oleh yang demikian, perlu diambil langkah seterusnya dalam membangunkan satu silibus mengikut keperluan semasa dan industri fesyen di Malaysia.



**Jadual 4** Jadual dapatan analisis kajian daripada data SPSS yang telah dianalisis daripada responden

Kategori	Item	Analisis Dapatan Kajian
Bahagian B	Pengetahuan Umum Tentang Fabrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Responden mempunyai pengetahuan asas tentang nama-nama fabrik di pasaran tempatan dan jenis tekstur fabrik.</li> <li>- Kesedaran terhadap saiz bidang fabrik dan keperluan ukuran meter fabrik bagi setiap pakaian juga difahami dengan baik.</li> <li>- Namun, terdapat ruang untuk peningkatan pengetahuan pelajar tentang fabrik daripada gentian asli dan sintetik serta jenis-jenis fabrik yang sesuai untuk teknik dye dan printing.</li> </ul>
Bahagian C	Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Jenis-Jenis Fabrik Yang Bersesuaian Dengan Konsep Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penguasaan pelajar terhadap pemilihan fabrik yang sesuai dengan tema dan konsep pakaian adalah sederhana.</li> <li>- Pengetahuan pelajar tentang pemilihan fabrik mengikut corak dan konsep pakaian mengikut musim perlu ditingkatkan.</li> <li>- Pelajar lebih yakin dalam memadankan warna fabrik mengikut kesesuaian warna kulit seseorang berbanding dengan tema atau konsep pakaian.</li> </ul>
Bahagian D	Penguasaan Pendidikan Fabrik Terhadap Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat keperluan untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang fabrik melalui pembacaan majalah, internet dan pengalaman terdahulu.</li> <li>- Mengetahui trend fabrik melalui media massa adalah di tahap sederhana.</li> </ul>

Jadual 4 jelas menunjukkan keperluan yang perlu ditambahbaikkan dalam subjek asas fabrik untuk meningkatkan tahap pengetahuan pelajar dalam mengenali jenis-jenis fabrik dan kepentingan subjek ini. Bahan fabrik daripada pelbagai jenis dan kualiti akan dipilih dan diuji oleh pereka fesyen bagi memenuhi keperluan rekaan yang dihasilkan. Seorang pereka akan memastikan fabrik yang dipilih dapat memberi kesan hasil yang terbaik untuk rekaan yang dicipta (Aktepe, Ş. 2019). Oleh kerana itu bagi melatih pelajar SFP semasa di peringkat pengajian subjek asas fabrik amat perlu dipelajari bagi melengkapkan diri pelajar untuk menjadi seorang pereka yang berpengetahuan dalam perkembangan berkaitan fabrik. Justeru itu, dengan adanya subjek asas fabrik dapat membantu pelajar menguasai penggunaan fabrik yang betul semasa menghasilkan pakaian mengikut jenis rekaan, konsep, aktiviti, dan tema pakaian.

#### 4. Rumusan

Kajian ini dapat dirumuskan tahap kefahaman pelajar berkaitan fabrik dan penguasaan terhadap jenis-jenis fabrik yang sesuai dengan konsep pakaian berada pada tahap yang sederhana dan terdapat keperluan bagi melengkapkan pengetahuan ini. Seorang pereka fesyen yang profesional perlu mempunyai pengetahuan fabrik yang kukuh untuk mencipta hasil pakaian yang terbaik, tidak kira sama ada pakaian yang dicipta untuk tujuan kefungsi atau mereka bentuk (Textilepedia 2021). Keperluan subjek pendidikan fabrik sangat perlu diimplementasikan bagi Program SFP agar dapat memudahkan para pensyarah dan pelajar dalam penghasilan jenis rekaan pakaian mengikut konsep dan tema. Justeru kajian ini diharap dapat membantu para pembangun kurikulum Program SFP dalam mengenalpasti keperluan semasa dan penambahbaikkan yang diperlukan dalam kurikulum fesyen. Adalah penting bagi penyedia latihan untuk memberi pengetahuan asas berkaitan fesyen bagi mengembangkan bakat, kemahiran dan pengalaman pendidikan agar dapat membantu mereka untuk cemerlang dalam industri ini (Prianka, D. 2023). Kurikulum yang ditawarkan juga perlu mengikut keperluan industri pada masa kini yang memerlukan tenaga kerja mahir daripada pelbagai aspek dan keperluan terutamanya dalam bidang fesyen.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengisyhtarkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan penerbitan manuskrip ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Nadiah M, Norulaini M.R; **pengumpulan data:** Nadiah M, Azlan Z; **analisis dan interpretasi hasil:** Nadiah M, Norulaini M. R; **penyediaan draf manuskrip:** Nadiah M. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

## Rujukan

Aktepe, Ş. (2019). A Research About Relationship Between Fashion Design And Fabric Parameters. *The Journal of Social Science*, 3(6), 511–516. <https://doi.org/10.30520/tjsosci.596617>

Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., Bywaters, D., & Walker, K. (n.d.). Purposive sampling: complex or simple? Research case examples. *Journal of Research in Nursing*, 25(8), 652–661. <https://doi.org/10.1177/1744987120927206>

Daud, S. H. S., & Bt Yusof, H. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Penyelidikan Berkesan. (n.d.). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(3),50-61.

Hamzah, R., Othman, Z., Hussiin, H., Ali, Z. &, & Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah. (2019) Pembangunan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal Bagi Program Pendidikan Berasaskan Teknologi & Kejuruteraan: Satu Kerangka Konseptual. (n.d.). *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*.

Kamis, A., Bakar, A. R., Hamzah, R., & Asimiran, S. (2013). Keperluan Kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian (REFP) dalam Industri Fesyen: The Need for Clothing Fashion Design Competency (CFADC) as a Requirement in the Fashion industry. (n.d.). *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 5(2), 60-74.

KPT (2012) Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti KPT Sijil Modular Kebangsaan (SMK) Edisi 3.

Mpofu, M., Magagula, H., Manwa, L., & Manwa, L. (2023). An exploration of teachers' pedagogical knowledge on teaching practical skills in fashion and fabrics to high school learners. *International Journal of Social Learning*, 3(3), 378–394. <https://doi.org/10.47134/ijsl.v3i3.219>

Prianka, D. (2023). Evaluating the impact of Basic Design Fundamentals education on the creative process of fashion design students in Surabaya, Indonesia. *Humanities & Language*, 1(1), 15–21. <https://doi.org/10.32734/qxkg8a61>

Rahmiati, R., & Saemah, S. (2017). Pengembangan Strategi Pembelajaran Meta Kreatif Dalam Meningkatkan Kreativitas Pelajar Dalam Bidang Busana Sekolah Menengah Kejuruan (SMK). *UNES Journal of Education*, 1(3), 240–258. <http://ojs.ekasakti.org/index.php/UJE/article/view/240>

Samad, S. A., Othman, M. K., & Kasa, M. D. (2019). Pembangunan Kerangka Konseptual Kajian Aspirasi Kerjaya Pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia. *Malim/MALIM : Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 64–73. <https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-06>

Team, F. *Textilepedia: (2021) The Complete Fabric Guide. (No title)*. (n.d.).

Ülger, K. (2016). The Relationship between Creative Thinking and Critical Thinking Skills of Students. *Hacettepe Üniversitesi Eğİtim Fakültesi Dergisi/Hacettepe Eğİtim Dergisi*, 1. <https://doi.org/10.16986/huje.2016018493>

Wahab, A. R., & Saud, M. S. (2021). Pembangunan Instrumen Karakter Kreatif Pelajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 112–122. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v2i2.16.2021>

Zulkifli, M. A. N., & Ming Foong, L. (2023) Mentransformasikan Kepimpinan Pendidikan: Model Pengurusan Institusi TVET yang berkesan. (n.d.). *Journal of TVET and Technology Review*, 1(1), 36-43.  
<https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jttr/article/view/16082>.